

**NO. SOALAN: 79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9600**

**SOALAN:**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status masalah jenayah di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Polis DiRaja Malaysia di dalam mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) diberi tanggungjawab dan menjadi peneraju dalam mengurangkan jenayah di seluruh negara. Usaha ini penting bagi meningkatkan rasa selamat dan mengurangkan “fear of crime” di kalangan rakyat tempatan selain membolehkan Malaysia berada di kalangan negara-negara yang selamat bagi tujuan pelancongan dan pelaburan asing. Bagi tujuan tersebut, Kementerian memberikan penekanan kepada tiga matlamat utama iaitu:-**

- i) Mencapai pengurangan berterusan dalam jenayah indeks dengan tumpuan terhadap jenayah jalanan iaitu curi ragut, samun tanpa senjata api dan samun berkawan tanpa senjata api;**
- ii) Mempertingkatkan persepsi awam tentang keselamatan dengan menggalakkan penyertaan orang awam melalui konsep tanggungjawab bersama menerusi aktiviti kesukarelawan dan menambahkan kepuasan orang awam terhadap perkhidmatan kopolisan; dan**

- iii) Menentukan kecemerlangan dalam urusan sistem keadilan jenayah untuk membina keyakinan awam dengan meningkatkan tahap profesionalisme pegawai polis dan mempercepatkan proses pendakwaan di Mahkamah.

Dalam mencapai matlamat tersebut, Kementerian telah meletakkan sasaran di bawah *National Key Performance Indicator (NKPI)* iaitu:-

- i) Mengurangkan 5% keseluruhan jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara;
- ii) Mengurangkan 20% kes jenayah jalanan seperti kes curi ragut dan samun tanpa senjata api dan samun berkawan tanpa bersenjata api; dan
- iii) Meningkatkan bilangan pesalah jenayah kekerasan yang dihadapkan ke mahkamah.

Setelah *National Key Result Area (NKRA)* diperkenalkan, jenayah indeks seluruh negara telah menunjukkan penurunan dari tahun 2009 sehingga 2016 seperti berikut:-

- i) Tahun 2009 jumlah jenayah Indeks yang dilaporkan berada di paras 212,678 kes;

- ii) **Tahun 2010 iaitu setahun setelah NKRA dilaksanakan, kes jenayah indeks yang dilaporkan berjumlah 186,162 kes, melibatkan penurunan sebanyak 26,516 atau 12.5% dari tahun sebelumnya;**
  - iii) **Tahun 2011 jumlah jenayah Indeks telah berkurangan kepada 166,295 kes, iaitu penurunan sebanyak 19,867 kes atau 10.7%;**
  - iv) **Tahun 2012, kes yang dilaporkan telah berkurangan kepada 153,669 kes, iaitu pengurangan sebanyak 12,626 kes atau 7.6%;**
  - v) **Tahun 2013, kes yang dilaporkan adalah sebanyak 147,062 kes, penurunan sebanyak 6,607 kes atau 4.3%;**
  - vi) **Tahun 2014, kes yang dilaporkan adalah sebanyak 128,750 kes, iaitu penurunan sebanyak 18,312 kes atau 12.5%;**
  - vii) **Tahun 2015, kes yang dilaporkan sebanyak 115,545 kes, iaitu pengurangan sebanyak 13,205 kes atau 10.2%; dan**
  - viii) **Tahun 2016 kes yang dilaporkan berjumlah 112,354 kes, iaitu pengurangan sebanyak 3,191 kes atau 2.8%.**

**Secara keseluruhannya, sepanjang 8 tahun NKRA diperkenalkan, jumlah kes jenayah indeks telah menunjukkan penurunan sebanyak 100,324 kes, iaitu daripada 212,678 kes pada tahun 2009 kepada 112,354 kes pada tahun 2016 bersamaan penurunan sebanyak 47.2%.**

Bagi menentukan kadar jenayah berada di paras terendah dan tidak akan meningkat untuk tahun-tahun yang mendatang, Kementerian telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mencegah kejadian jenayah dan meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap keselamatan dan keamanan negara. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:-

- i) Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bertujuan untuk bertindak dengan cepat ke atas sesuatu kejadian jenayah dan juga berperanan menjalankan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperolehi maklumat untuk menangani masalah jenayah;
- ii) Melaksanakan *Modern Policing* bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya di peringkat Balai. Pada tahun 2016, Program *Modern Policing* Fasa 1 telah dilaksanakan di seluruh Kontinjen Polis Kuala Lumpur;

- iii) Melaksanakan Program Pemutihan kawasan *Blackspot* dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sebanyak 40 kawasan *blackspot* di bawah pentadbiran dua puluh (20) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilaksanakan pada tahun 2016;
- iv) Menggantikan kenderaan Unit Kereta Peronda (MPV) PDRM yang telah melebihi tempoh hayat iaitu sebanyak 1,200 buah pada tahun 2015 dan 235 buah pada tahun 2016;
- v) Mengadakan program *Community Policing* melibatkan aktiviti seperti dialog bersama persatuan penduduk, pameran, rondaan bersama dan juga *engagement* bersama dengan masyarakat setempat;
- vi) Melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;
- vii) Pihak PDRM juga telah menujuhkan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) bagi

membanteras kegiatan pengedaran dadah, *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterisme* (STAGG) bagi tujuan penguatkuasaan anti kongsi gelap dan perjudian, *Special Task Force on Organised Crime* (STAFOC) bagi tujuan pencegahan jenayah berat dan terancang; dan

- viii) Kerajaan juga telah menggubal dan membuat pindaan kepada beberapa undang-undang sedia ada bagi membendung kegiatan jenayah seperti Akta Pencegahan Jenayah (POCA), 2014 dan Akta Anti Keganasan (POTA), 2015 bagi menentang aktiviti keganasan dari dalam dan luar negara. Usaha juga telah dan sedang dibuat bagi memansuhkan undang-undang lapuk dengan menggantikan dengan undang-undang baharu bersesuaian dengan peredaran masa.

Usaha untuk memerangani jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi tugas ini harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, bangsa dan kepercayaan agama masing-masing. Dalam konteks ini, masyarakat boleh memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.